



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD PERJELAS PELAKSANAAN PERATURAN BAHARU KATEGORI PERKHIDMATAN BAS EKPRES

KUALA LUMPUR, 10 JULAI - Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin menjelaskan keadaan sebenar kadar tambang perkhidmatan Bas Ekpres, susulan pengesanan segelintir pengendali Bas Ekpres kategori Eksekutif yang menjual tiket di bawah kadar tambang minimum yang ditetapkan. Amalan ini turut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna mengenai kategori perkhidmatan yang sepatutnya diterima berdasarkan tambang yang dibayar.

Melalui libat urus dengan pemain industri, di mana pengendali Bas Ekpres turut menyuarakan kebimbangan kepada APAD bahawa amalan sesetengah pengendali Bas Ekpres kategori Eksekutif menjual tiket di bawah kadar tambang minimum yang ditetapkan berpotensi mewujudkan persaingan yang tidak mampan dalam industri. Kebimbangan ini turut menjurus kepada

risiko ketidakseimbangan permintaan dan penawaran dalam industri, yang akhirnya boleh membebankan pengguna dengan kadar tambang yang lebih tinggi, terutamanya pada musim perayaan. APAD mengambil maklum kebimbangan ini dan akan terus memantau serta menguatkuasakan pematuhan syarat lesen dan struktur kadar tambang yang telah ditetapkan.

APAD turut ingin menjelaskan bahawa dua peraturan baharu yang berkuat kuasa pada 15 Jun 2026 bertujuan memperkemaskan pengkelasan perkhidmatan Bas Ekspres serta memperkukuh penguatkuasaan undang-undang terhadap pengendali yang tidak mematuhi syarat pelesenan.

Bermula 15 Jun 2026, dua peraturan baharu telah dikuatkuasakan, iaitu:

1. Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan Kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) (Pindaan) 2026; dan
2. Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Kadar Tambang bagi Perkhidmatan Bas Ekspres) 2026.

Pindaan ini merupakan penambahbaikan kepada peraturan yang telah diguna pakai sejak tahun 2021. Sebelum ini, kategori perkhidmatan Bas Ekspres ditentukan berdasarkan bilangan tempat duduk. Melalui peraturan baharu ini, pengkelasan dibuat secara lebih jelas dan telus berdasarkan konfigurasi lajur tempat

duduk bagi membezakan tahap perkhidmatan yang ditawarkan kepada penumpang.

Di bawah kaedah baharu ini, Bas Ekspres Kategori Ekonomi ditakrifkan sebagai bas yang mempunyai susunan dua lajur tempat duduk berkembar (2+2), manakala Bas Ekspres Kategori Eksekutif ialah bas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu lajur tempat duduk tunggal (2+1). Penambahbaikan ini membolehkan pengguna mengenal pasti kategori perkhidmatan dengan lebih jelas serta mengelakkan kekeliruan dalam penawaran perkhidmatan.

Penetapan kategori yang lebih jelas ini turut memudahkan penguatkuasaan terhadap mana-mana pengendali yang gagal mematuhi syarat pelesenan dan struktur kadar tambang yang telah ditetapkan, termasuk kes penjualan tiket di bawah kadar minimum seperti disebutkan di atas.

Pelaksanaan peraturan ini merupakan langkah penambahbaikan bagi memastikan pengkelasan perkhidmatan Bas Ekspres dilaksanakan secara lebih telus, melindungi hak pengguna berdasarkan kelas perkhidmatan yang dipilih serta mewujudkan persaingan yang adil dalam industri pengangkutan awam darat.

APAD juga ingin menegaskan bahawa **tiada sebarang kenaikan kadar tambang** diperkenalkan melalui peraturan

baharu ini. **Kadar tambang yang ditetapkan kekal sama seperti yang telah berkuat kuasa sejak tahun 2013 menerusi Pekeliling Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Bilangan 10 Tahun 2013 dan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Bilangan 5 Tahun 2008.**

Berdasarkan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Kadar Tambang bagi Perkhidmatan Bas Ekspres) 2026**, kadar tambang adalah seperti berikut:

- **Bas Ekspres Kategori Ekonomi: kadar maksimum RM0.093 bagi setiap kilometer; dan**
- **Bas Ekspres Kategori Eksekutif: kadar minimum RM0.15 bagi setiap kilometer dengan kadar maksimum tidak melebihi RM300.00.**

Ini bermakna kerajaan **tidak pernah menaikkan kadar tambang Bas Ekspres sejak tahun 2013**, walaupun industri pengangkutan awam berdepan peningkatan kos operasi, kos penyelenggaraan serta harga bahan api sepanjang tempoh tersebut.

APAD akan terus komited memastikan setiap dasar dan peraturan yang dilaksanakan mengambil kira kepentingan pengguna, pengendali industri dan kelestarian sistem pengangkutan awam negara.

Orang ramai disaran mendapatkan maklumat yang sahih melalui saluran rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia dan APAD serta tidak menyebarkan maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

10 Julai 2026